

# Kempen PruBSN AnugerahMax Cash Up

## Terma dan Syarat

1. Kempen PruBSN AnugerahMax Cash Up ini ("Kempen") ditawarkan oleh Prudential BSN Takaful Berhad ("PruBSN" atau "kami"). Melalui penyertaan anda dalam Kempen ini, Pelanggan yang Layak (seperti yang dimaksudkan dalam Klausa 4 di bawah) terikat dengan semua terma dan syarat Kempen ini dan Dasar Privasi kami yang boleh diakses di <https://www.prubsn.com.my/ms/privacy-policy/>.
2. Tempoh Kempen: **13 Julai 2024 hingga 31 Ogos 2024**, termasuk kedua-dua tarikh ini.
3. Pelanggan yang Layak (peserta/pemilik sijil) hendaklah memberikan butiran nama penuh, nombor kad pengenalan, e-mel, maklumat untuk dihubungi/nombor telefon dan maklumat akaun bank (e-Kredit) yang tepat dalam borang cadangan atau PruBSN Touch sebelum **31 Disember 2024**.
4. Syarat Kelayakan Kempen:
  - a. **Pelanggan yang Layak** adalah pelanggan yang:
    - Menyertai sijil baharu ("Bisnes Baharu") PruBSN AnugerahMax, yang memenuhi syarat seperti yang dinyatakan dalam Klausa 5 di bawah; dan
    - Menyerahkan borang cadangan dan **diterima oleh PruBSN antara 13 Julai 2024 hingga 31 Ogos 2024** (termasuk kedua-dua tarikh ini), di mana sijil tersebut diluluskan dan dikeluarkan selewat-lewatnya pada **15 September 2024**.
  - b. Sijil hendaklah kekal berkuat kuasa dengan tiada sumbangan tertunggak, tiada pengurangan sumbangan sijil, tiada pengeluaran separa, tiada pembatalan rider kempen iaitu Medic BoostCare atau Crisis TotalCare, jika berkenaan, sehingga **31 Disember 2024**.
  - c. Kaedah pembayaran sumbangan mestilah kaedah pembayaran berulang seperti Kad Kredit/Debit atau Debit Terus, yang didaftarkan melalui **PruBSN Mobility** atau dikemaskini melalui **PruBSN Touch** sebelum **31 Disember 2024**. Kaedah pembayaran yang diperlukan juga mestilah dikekalkan sehingga ganjaran kempen diterima.

### 5. Ganjaran Kempen:

Setiap Pelanggan yang Layak yang memenuhi Syarat Kelayakan Kempen yang dinyatakan dalam Klausa 4 di atas akan menerima **ganjaran tunai** ("Ganjaran") berdasarkan syarat sijil seperti jadual di bawah:

Pelan	Syarat Kelayakan Setiap Sijil	Ganjaran Setiap Sijil		
PruBSN AnugerahMax	<ul style="list-style-type: none"><li>• Jumlah Sumbangan Tahunan Minimum<sup>1</sup> RM1,800</li><li>• Dilampirkan dengan rider Medic BoostCare dan/atau Crisis TotalCare</li></ul>	<table><tr><td>Tunai RM100</td><td>Tambahan Tunai RM50</td></tr></table>	Tunai RM100	Tambahan Tunai RM50
Tunai RM100	Tambahan Tunai RM50			

<sup>1</sup>Tidak termasuk Takaful Saver.

6. Pelanggan yang Layak menerima Ganjaran akan dimaklumkan melalui SMS yang dihantar kepada nombor telefon mereka seperti yang dinyatakan dalam borang cadangan atau PruBSN Touch, berdasarkan maklumat terkini yang diperolehi dalam sistem PruBSN.
7. Ganjaran akan dikreditkan ke dalam akaun bank Pelanggan yang Layak mulai **15 Februari 2025** berdasarkan butiran e-Kredit yang disediakan dalam borang cadangan atau PruBSN Touch.
8. Pelanggan yang Layak bertanggungjawab untuk mengekalkan ketepatan maklumat mereka yang diberikan kepada PruBSN pada setiap masa. PruBSN berhak untuk membuat permintaan yang munasabah untuk maklumat lanjut daripada Pelanggan yang Layak untuk menentukan kesahihan sebarang maklumat yang diberikan, termasuk sama ada ia adalah penipuan atau perihal berlebih-lebihan.
9. Kempen ini mengecualikan kes-kes ejen PruBSN (di mana ejen ialah pemilik sijil/orang yang dilindungi dalam pelan tersebut) dan sijil di bawah pelan promosi kakitangan PruBSN.
10. Semua hak, kepentingan, hak milik dan faedah Ganjaran adalah dianggap telah diserahkan kepada Pelanggan yang Layak setelah Ganjaran dikreditkan. Sekiranya Ganjaran tersebut dicuri atau hilang kerana sebarang sebab atau dalam sebarang keadaan, tiada penggantian akan dibuat oleh PruBSN kecuali jika peristiwa tersebut berpunca daripada PruBSN.
11. Ganjaran yang ditawarkan di sini tidak boleh dianggap sebagai perubahan kepada terma dan syarat sijil takaful yang diterima di mana semuanya adalah tertakluk pada pemprosesan standard atau pengunderitaan PruBSN.
12. Keputusan PruBSN terhadap pemberian Ganjaran tersebut adalah muktamad dan tertakluk pada terma dan syarat ini. Sebarang rayuan tidak akan dilayan.
13. PruBSN berhak untuk meminda dan/atau menukar Ganjaran dengan barang yang sama nilai mengikut budi bicaranya tanpa notis awal diberikan. Ganjaran tidak boleh dipindah milik atau tidak boleh ditukar.
14. PruBSN boleh menolak sebarang penyertaan sekiranya mana-mana terma dan syarat Kempen ini tidak dipenuhi. Sebarang rayuan tidak akan dilayan.
15. Pelanggan yang Layak hendaklah mematuhi undang-undang anti-rasuah dan anti-korupsi yang berkenaan, termasuk *US Foreign Corrupt Practices Act*, *UK Bribery Act*, *Hong Kong Prevention of Bribery Ordinance*, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009, serta peraturan dan panduan yang berkaitan. PruBSN berhak membatakan penyertaan Pelanggan yang Layak tanpa notis atas kegagalan mematuhi atau pelanggaran undang-undang berhubungan dengan penyertaan Pelanggan yang Layak dalam Kempen ini.
16. Pelanggan yang Layak dan PruBSN bersetuju bahawa sebarang penggunaan dan pendedahan maklumat menurut Kempen ini adalah tertakluk kepada Personal Data Protection Act 2010 ("PDPA"). Pelanggan yang Layak dan PruBSN hendaklah mematuhi PDPA.
17. Tidak mengira apa yang bertentangan yang terkandung dalam Kempen ini,
  - a) Jika PruBSN mengetahui atau diberitahu bahawa Pelanggan yang Layak dinamakan dalam mana-mana senarai Sekatan, atau diancam untuk ditambahkan ke dalam senarai Sekatan\*; atau
  - b) Jika PruBSN didapati melanggar kewajipan Sekatan akibat Kempen ini, PruBSN akan membatakan kelayakan Pelanggan yang Layak berkuat kuasa serta-merta dan mengambil tindakan lain yang difikirkan sesuai oleh PruBSN, termasuk tetapi tidak terhad kepada memberitahu mana-mana pihak berkuasa kerajaan yang berkaitan tanpa notis dan liabiliti.  
\*\*"Sekatan" merujuk kepada apa-apa langkah sekatan yang dikenakan ke atas rejim, negara, kerajaan, entiti, individu dan industri yang disasarkan oleh badan atau kerajaan antarabangsa di Malaysia atau di luar Malaysia, termasuk tetapi tidak terhad kepada *Office of Financial Sanctions Implementation HM Treasury*, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, *European Union*, *US Treasury Department's Office of Foreign Assets Control* dan *Hong Kong Monetary Authority*.
  - c) Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, Klausa 16 ini, dan keupayaan PruBSN untuk membuat tuntutan terhadap Pelanggan yang Layak untuk sebarang kerugian yang mungkin ditanggung oleh PruBSN yang timbul daripada pengendalian Klausa 16 ini, akan kekal selepas penamatian atau tamat tempoh Kempen ini.
18. PruBSN berhak untuk membatakan, menarik balik, menggantung, melanjutkan atau menamatkan Kempen sebelum tamat Tempoh Kempen, sepenuhnya atau sebahagian, pada bila-bila masa, tanpa notis. Untuk mengelakkan keraguan, pembatalan, pengeluaran, penggantungan, pelanjutan atau penamatian oleh PruBSN untuk Kempen tidak akan memberi hak kepada Pelanggan yang Layak untuk sebarang tuntutan atau pampasan terhadap PruBSN untuk sebarang dan semua kerugian atau kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Pelanggan yang Layak sama ada secara langsung atau tidak langsung akibat pembatalan, pengeluaran, penggantungan, pelanjutan atau penamatian tersebut.
19. PruBSN berhak untuk menambah, memadam, atau mengubah Terma dan Syarat Kempen sepenuhnya atau sebahagian pada bila-bila masa dengan memberikan notis terlebih dahulu kepada Pelanggan yang Layak. Cara pemberitahuan (jika ada) adalah mengikut budi bicara PruBSN yang munasabah, termasuk tetapi tidak terhad kepada posting di laman web atau laman media sosial PruBSN, memaparkan notis di mana-mana cawangan PruBSN dan/atau apa-apa cara lain seperti yang ditentukan oleh PruBSN.
20. Terma dan syarat ini tertakluk kepada undang-undang di Malaysia dan bidang kuasa Mahkamah di Malaysia.
21. Terma dan syarat ini disediakan dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.